

Info Program

Major Bioteknologi : melibatkan penggunaan praktikal sel atau komponennya dalam industri penghasilan dan perkhidmatan. Bioteknologi adalah multidisiplin, melibatkan integrasi pengetahuan dalam mikrobiologi, biokimia, genetik, biologi molekul, bioinformatik, kimia dan juga kejuruteraan kimia dan kejuruteraan proses.

Info Kerjaya

- Ahli bioteknologi
- Ahli bioinformatik
- Ahli biologi molekul
- Pegawai sains
- Pegawai penyelidik
- Pembantu makmal
- Pendidik
- Penyelidik R&D

Info Program

Major Agrobiologi: pelajar akan mempelajari pelbagai pendekatan untuk menambah produktiviti serta pertumbuhan yang tinggi pada tanaman. Topik yang akan dipelajari termasuk

Info Kerjaya

- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Penyelidik Makmal Swasta
- Pensyarah/Pendidik

Info Program

Major Entomologi dan Parasitologi: Pelajar akan didedahkan kepada struktur dan fungsi, sejarah hidup, ekologi, kelakuan vektor dan parasit dan epidemiologi penyakit serta pengawalan untuk serangga perosak bandar dan industri.

Info Kerjaya

- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Penyelidik Makmal Swasta
- Pensyarah/Pendidik



Info Program

Major Biologi Akuatik: Adalah bidang sains kaji-hayat yang melibatkan kajian dan penyelidikan berkaitan dengan ekosistem dan biologi air tawar, air payau dan lautan. Oleh kerana 71% permukaan bumi terdiri daripada air, ekosistem akuatik dan persekitaran adalah ekosistem utama di bumi. Oleh itu, biologi akuatik dan biologi alam sekitar adalah sangat berkaitan. Dalam bidang ini, pelajar akan didedahkan kepada pelbagai aspek ekologi asas dan pengurusan ekonomi, eksploitasi dan pemuliharaan sumber-sumber seperti ekologi air tawar, akuakultur, biodiversiti marin & pantai dan ekologi, tanah lembap, dan biologi kutub.

Info Kerjaya

- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Penyelidik Makmal Swasta
- Pensyarah/Pendidik



Info Program

Major Biologi Persekitaran: Satu bidang yang semakin mendapat perhatian, terutamanya dalam zaman peka alam sekitar. Malaysia terkenal dengan kekayaan biodiversiti walaupun dalam jumlah keluasan yang kecil. Pemeliharaan dan pemuliharaan yang berkesan memerlukan pemahaman dan penghargaan yang tinggi terhadap alam sekitar. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai aspek asas dan praktikal ekologi berkaitan dengan alam sekitar seperti ekologi air tawar, biodiversiti marin dan pantai dan ekologi, tanah lembap, dan pemuliharaan alam sekitar.

Info Kerjaya

- Pengurus Operasi
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Pegawai Perikanan
- Pakar Perunding Alam Sekitar
- Pegawai Alam Sekitar